



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
USAHAWAN DAN KOPERASI
MINISTRY OF ENTREPRENEUR DEVELOPMENT AND COOPERATIVES

SIARAN MEDIA

BAZAR JUALAN MURAH RAYA SEMPENA AIDILFITRI 1442H/2021 ANJURAN BERSAMA MEDAC, AGENSI DAN ANGKASA

PUTRAJAYA, 6 Mei 2021 – Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) dengan kerjasama semua agensi di bawahnya menganjurkan Program Bazar Jualan Murah Raya Sempena Aidilfitri 1442 H / 2021 yang akan berlangsung selama empat hari mulai 6 hingga 9 Mei 2021 bertempat di Ruang Legar, Auditorium Cempakasari, Presint 2, Putrajaya. Selain itu, pihak ANGKASA dan CoopPertama Bank (CBP) juga turut terlibat bagi merealisasikan program ini. Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, YB Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Haji Samsudin telah sudi meluangkan masa dalam sesi *walkabout* program bazar tersebut pada 6 Mei 2021.

Tujuan utama program ini diadakan adalah untuk membantu rakyat mendapatkan barangan asas dengan harga yang berpatutan untuk persediaan menyambut aidilfitri. Ia juga diadakan bagi memperluaskan pemasaran produk dan perkhidmatan koperasi dan usahawan selain memupuk budaya dan nilai-nilai keusahawanan dalam masyarakat untuk memenuhi hasrat menjadikan Malaysia sebagai negara keusahawanan menjelang 2030. Sejumlah 56 para usahawan, koperasi, pengusaha *food truck* serta penjaja dan peniaga kecil mengambil bahagian dalam program bazar jualan murah raya MEDAC pada kali ini.

Uniknya, Bazar Jualan Murah Raya MEDAC pada tahun ini diadakan secara hibrid di mana pembeli mempunyai pilihan sama ada datang sendiri ke bazar atau melayari platform *e-commerce* Warungku atau JimatBiz bagi membeli barangan jualan. Barangan yang dibeli secara online akan dihantar sehingga ke pintu rumah oleh petugas-petugas Warung *Rider*. Bagi menarik lebih ramai pembelian barangan secara

online, caj penghantaran adalah percuma bagi 1000 pelanggan pertama. *Happy Hour* juga akan diadakan sebanyak 3 kali sehari untuk tempoh empat (4) hari di sepanjang program ini berlangsung.

MEDAC yang bertanggungjawab dalam pembangunan usahawan dan koperasi amat prihatin dengan kesukaran yang dihadapi dan sentiasa komited untuk terus membantu menggerakkan aktiviti ekonomi. Program seumpama ini merupakan satu pemangkin untuk merancakkan ekonomi dan meningkatkan keyakinan usahawan dan koperasi dengan potensi pasaran domestik yang akan terus berkembang. MEDAC juga yakin “*spillover effect*” antara penjual dan pembeli akan menyumbang kepada pengukuhan ekosistem penjanaan ekonomi negara.

MEDAC berharap dengan penganjuran program seperti ini dapat membantu dan memperkasa peranan usahawan dan koperasi dalam menangani kos sara hidup akibat penularan pandemik Covid-19 di mana tahap keyakinan usahawan dan koperasi terhadap pemulihan ekonomi masih perlu ditingkatkan. Program ini menyasarkan komuniti di Putrajaya memandangkan rentas negeri dan daerah masih tidak dibenarkan. Barangan keperluan asas yang dijual adalah termasuk tepung, beras, gula, minyak masak, dan pelbagai barangan keperluan lain pada harga patut.

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI